

24 MAY 2000

Ling-Cuti/I

DR LING AKAN BUAT KEPUTUSAN MUKTAMAD SELEPAS CUTI DUA MINGGU

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata beliau akan bercuti selama dua minggu dan akan membuat keputusan muktamad mengenai peletakan jawatannya daripada kabinet sekembalinya daripada bercuti.

Dr Ling yang juga presiden MCA berkata beliau akan memohon cuti itu tidak lama lagi dan akan memutuskan sama ada untuk menghabiskan cutinya di Malaysia atau luar negara.

"Tetapi buat masa ini tiada perubahan (keputusannya)," katanya kepada pemberita di pejabatnya di sini selepas menghadiri mesyuarat mingguan Kabinet.

Dr Ling berkata keputusannya untuk mengambil cuti adalah atas nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, para pemimpin dan anggota MCA serta kawan-kawan, dan rakan Kabinetnya.

Dr Ling berkata beliau berjumpa Dr Mahathir selama kira-kira 15 minit di Putrajaya sebelum Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet pagi ini.

Dr Ling mengejutkan mesyuarat majlis presiden MCA pada Isnin apabila beliau memberitahu mereka mengenai keputusannya untuk meletakkan jawatan daripada Kabinet tetapi akan terus berkhidmat sebagai presiden. Keputusannya itu diumumkan kepada media oleh timbalan presiden parti Datuk Lim Ah Lek.

Sejak itu, rayuan banyak diterima daripada pemimpin-pemimpin dan akar umbi parti itu supaya beliau menimbangkannya semula. Dr Mahathir dan pemimpin-pemimpin BN juga meminta beliau memikirkannya semula.

Dr Ling berkata semasa perjumpaannya dengan Dr Mahathir hari ini, beliau merujuk perbincangannya dengan perdana menteri Rabu lepas mengenai keputusannya untuk bersara.

"Beliau memberitahu saya bahawa walaupun beliau bersetuju dengan saya minggu lepas bahawa saya boleh meletak jawatan, tetapi beliau berkata selepas melihat reaksi di seluruh negara beliau berpendapat saya tidak patut berhenti, dan beliau memberitahu saya supaya menyimpan surat peletakan jawatan saya," kata Dr Ling.

Katanya beliau berhasrat menyerahkan surat peletakan jawatan itu hari ini.

Dr Ling berkata Dr Mahathir telah meminta beliau memikirkan dengan mendalam mengenai keputusannya untuk berhenti daripada jawatan kabinet.

Katanya beliau memberitahu Dr Mahathir bahawa satu daripada cadangan daripada kawan-kawannya ialah beliau patut mengambil cuti dan perdana menteri telah meminta saya mengambil cuti.

"Beliau meminta saya memikirkannya sekali lagi dan memikirkannya dengan mendalam dan kemudian kembali semula," katanya.

Ditanya mengenai besar kemungkinan beliau akan kekal dalam jawatan kabinet, beliau berkata: "Saya tidak mahu membuat sepekulasi kerana setakat ini tiada perubahan dalam keputusan saya."

Mengenai sebab pesaraannya, Dr Ling menyatakan bahawa sudah tiba masanya bagi beliau berhenti.

"Saya amat terharu dengan begitu banyak permintaan dan sokongan yang dilahirkan. Saya berhasrat untuk pergi ke tempat yang sunyi di luar negara untuk memikirkannya semula," katanya.

Mengenai konvensyen-konvensyen MCA negeri yang sedang berlangsung, beliau berkata pengerusi negeri akan merasmikan konvensyen seumpama itu

jika beliau tiada.

Dr Ling juga berkata keputusannya meletak jawatan tidak akan menjejaskan peluang BN dalam pilihan raya kecil Teluk Kemang tidak lama lagi.

"Teluk Kemang merupakan sesuatu yang keseluruhan BN termasuk MCA, akan berada di sana bagi memastikan kemenangan dan saya berharap dengan majoriti lebih besar.

"Jadi rancangan saya untuk bersara dari kerajaan tidak akan menjejaskan BN kerana saya masih lagi presiden parti," katanya.

Semasa ditanya sama ada beliau akan berkempen bagi BN di Teluk Kemang, beliau berkata beliau akan berada di sana jika diperlukan.

Yang turut hadir pada sidang berita itu ialah tiga naib presiden MCA -- Datuk Chua Jui Meng, Datuk Fong Chan Onn dan Datuk Ong Ka Ting.

-- BERNAMA

RV/ZS RHM RON